



KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 5 TAHUN 1996

PROSEDUR MEMBERSARAKAN PEGAWAI ATAS SEBAB KESIHATAN

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju menerimapakai Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 10 Tahun 1995 mengenai Prosedur Membersarakan Pegawai Atas Sebab Kesihatan.

2. Bersama-sama ini disertakan sesalinan Pekeliling Perkhidmatan yang berkenaan untuk panduan dan tindakan.

Sekian. Terima kasih.

*** MEMBANGUN BERSAMA ISLAM ***

Yang menurut perintah,

(HAJI MUSTAPHA BIN DATO' HAJI MOHAMED)
Ketua Penolong Setiausaha (Perkhidmatan)
b.p. **SETIAUSAHA KERAJAAN
KELANTAN**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN, KOTA DARULNAIM,
KOTA BHARU.**

Bertarikh : 12 Zulhijjah 1416
30 April 1996

[SUK. (KN) 85/ 79/ Jld: II/ (7)]

KEPADA :
Semua Ketua Jabatan Negeri

SALINAN :
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Negeri
Semua Ketua Pengurusan Kuasa-Kuasa Tempatan



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 10 TAHUN 1995

**PROSEDUR MEMBERSARAKAN PEGAWAI ATAS
SEBAB KESIHATAN**

1. TUJUAN

1.1 Tujuan Pekeliling Perkhidmatan ini ialah untuk menerangkan prosedur mengenai urusan membersarakan seseorang pegawai dalam perkhidmatan awam atas sebab kesihatan.

2. KUASA UNTUK MEMBERSARAKAN ATAS SEBAB KESIHATAN

2.1 Menurut seksyen 10(5) (a), **Akta Pencen 1980** (Akta 227), seseorang pegawai dalam perkhidmatan awam boleh dibersarakan oleh Yang di-Pertuan Agong, berkenaan dengan pegawai persekutuan atau pegawai persekutuan tempatan, atau Pihak Berkuasa Negeri, berkenaan dengan pegawai negeri, jika Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, berkenaan dengan pegawai persekutuan atau pegawai persekutuan tempatan, atau Setiausaha Kerajaan Negeri, berkenaan dengan pegawai negeri, berpuas hati atas keterangan doktor bahawa pegawai itu tidak berupaya menjalankan kewajipan-kewajipan jawatannya disebabkan oleh kelemahan akal atau tubuh yang mungkin menjadi kekal.

2.2 Peruntukan di bawah seksyen tersebut digunakan bagi seseorang pegawai yang telah disahkan dalam jawatannya, tidak kira sama ada beliau telah memilih skim pencen atau pun skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

3. PROSEDUR

3.1 Apabila Ketua Jabatan berpendapat bahawa seseorang pegawai itu mungkin perlu dibersarakan kerana tidak berupaya menjalankan kewajipan-kewajipan jawatannya disebabkan oleh kelemahan akal atau tubuh yang mungkin menjadi kekal, beliau hendaklah memohon kepada Pengarah Kesihatan Negeri, Pengarah Hospital Kuala Lumpur atau Pengarah Hospital Universiti untuk menubuhkan sebuah Lembaga Perubatan bagi memeriksa kesihatan pegawai itu khusus bagi maksud memberi pendapat sama ada pegawai yang berkenaan berupaya menjalankan kewajipan-kewajipan jawatannya. Borang seperti di **Lampiran "A"** hendaklah digunakan bagi maksud ini dan dihantar lengkap dengan salinan dokumen-dokumen yang disenaraikan di dalam borang tersebut. Lembaga Perubatan tersebut hendaklah dianggotai oleh tidak kurang daripada dua orang Pegawai Perubatan yang mana salah seorang daripadanya hendaklah merupakan pakar perubatan dalam jenis penyakit atau kecederaan yang dialami oleh pegawai yang hendak diperiksa itu.

3.2 Laporan Lembaga Perubatan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Jabatan dalam borang seperti di **Lampiran "B"** dalam masa dua bulan dari tarikh persidangan Lembaga Perubatan tersebut.

3.3 Dalam tempoh 14 hari dari penerimaan laporan Lembaga Perubatan yang menyampaikan pendapat bahawa pegawai yang diperiksa itu tidak berupaya menjalankan kewajipan-kewajipan jawatannya disebabkan oleh kelemahan akal atau tubuh yang mungkin menjadi kekal, Ketua Jabatan hendaklah memaklumkan pendapat Lembaga Perubatan itu kepada pegawai yang berkenaan dengan menggunakan surat seperti di **Lampiran "C"** yang dihantar melalui Pos Berdaftar Akuan Terima atau diserahkan dengan tangan serta diakui penerimaannya, mana yang sesuai.

3.4 Pegawai yang berkeenaan diberi 14 hari dari tarikh beliau menerima surat **Lampiran "C"** untuk mengemukakan kepada Ketua Jabatannya persetujuan untuk dibersarakan atas sebab kesihatan di atas borang **Lampiran "C-1"**. Sekiranya beliau tidak bersetuju untuk dibersarakan sedemikian, borang tersebut hendaklah dilengkapi dengan penjelasan kenapa beliau tidak seharusnya dibersarakan.

3.5 Sebaik sahaja borang **Lampiran "C-1"** diterima dari pegawai yang berkeenaan, atau selepas luputnya tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan surat **Lampiran "C"** oleh beliau, Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan perakuan persaraan atas sebab kesihatan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam atau Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, mana yang berkeenaan, dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran "D"**. Perakuan ini hendaklah dihantar lengkap dengan dokumen-dokumen yang disenaraikan dalam borang tersebut.

3.6 Keputusan akan disampaikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam atau Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dalam tempoh sebulan dari tarikh penerimaan perakuan Ketua Jabatan.

3.7 Sebaik sahaja keputusan untuk membersarakan pegawai yang berkeenaan atas sebab kesihatan diterima, Ketua Jabatan hendaklah memaklumkan keputusan itu kepada pegawai yang berkeenaan. Sekiranya pegawai yang berkeenaan adalah di bawah skim pencen Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan kepada Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam, dokumen-dokumen seperti disenaraikan di **Lampiran "E"** untuk memproses, melulus dan membayar faedah persaraan.

3.8 Carta aliran kerja prosedur persaraan atas sebab kesihatan yang dijelaskan ini adalah seperti di **Lampiran "F"**.

4. TARIKH KUATKUASA PERSARAAN

4.1 Jika Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau Setiausaha Kerajaan Negeri, mana yang berkenaan, berpuas hati bahawa pegawai itu tidak berupaya menjalankan kewajipan-kewajipan jawatannya, maka Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau Setiausaha Kerajaan Negeri, mana yang berkenaan, hendaklah merujuk kepada Yang di-Pertuan Agong atau Pihak Berkuasa Negeri atau pihak yang telah diperwakilan kuasa olehnya untuk menjalankan kuasa ini, mana yang berkenaan, supaya tarikh kuatkuasa persaraan pegawai itu atas sebab kesihatan dapat ditetapkan sehari selepas tarikh kepuasan hati Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau Setiausaha Kerajaan Negeri diperolehi atau sehari selepas habisnya cuti rehat yang dilayaki oleh pegawai itu, mana yang terkemudian.

4.2 Mulai tarikh berikutan keluarnya laporan Lembaga Perubatan yang menyampaikan pendapat bahawa pegawai yang berkenaan tidak berupaya menjalankan kewajipan-kewajipan jawatannya disebabkan oleh kelemahan akal atau tubuh yang mungkin menjadi kekal hingga tarikh sehari sebelum tarikh persaraan yang diputuskan, pegawai tersebut hendaklah diberi Cuti Perubatan Khas sekiranya beliau tidak mempunyai cuti rehat atau sebaik sahaja beliau menghabiskan cuti rehatnya. Sepanjang tempoh Cuti Perubatan Khas, beliau hendaklah dibayar gaji pokok dan imbuhan-imbuhan tetap berdasarkan jawatan hakikinya. Sekiranya Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau Setiausaha Kerajaan Negeri, mana yang berkenaan, tidak berpuas hati dengan keterangan Lembaga Perubatan dan memutuskan bahawa pegawai tersebut masih berupaya menjalankan kewajipan-kewajipan jawatannya, pegawai itu hendaklah diarah kembali bertugas semula dengan sertamerta.

5. TARIKH KUATKUASA


5.1 Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Disember 1995.

6. PEMAKAIAN

6.1 Tertakluk kepada penerimaan dan pengubahsuaian sewajarnya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini juga dipanjangkan kepada Badan-Badan Berkanun dan Kuasa-Kuasa Tempatan bagi maksud urusan persaraan pekerja-pekerja mereka atas sebab kesihatan di bawah seksyen 10 (5) (a), **Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980** (Akta 239).

7. PEMBATALAN

7.1 Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1982** adalah dibatalkan.



(DATUK WIRA HJ. MOHD. ZAM BIN ABDUL WAHAB)
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam 1,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Tarikh: 10 November 1995

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

s.k.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Kuasa Tempatan

LAMPIRAN "A"

P.P. 10/1995

Rujukan Kami:

Tarikh:

(Pengarah Kesihatan Negeri/
Pengarah Hospital Kuala Lumpur/
Pengarah Hospital Universiti)

Tuan,

**Permohonan Penubuhan Lembaga Perubatan Untuk Memeriksa Kesihatan
Pegawai Kerajaan Berhubung Dengan Kemungkinan Persaraan Atas Sebab
Kesihatan Di bawah Seksyen 10 (5) (a), Akta Pencen 1980 (Akta 227)**

Saya diarah merujuk kepada perkara yang tersebut di atas dan seterusnya memohon supaya ditubuhkan sebuah Lembaga Perubatan untuk memeriksa kesihatan pegawai yang butir-butirnya diberi di bawah ini bagi maksud memberi pendapat sama ada pegawai tersebut berupaya menjalankan kewajipan-kewajipan jawatannya disebabkan oleh kelemahan akal atau tubuh yang mungkin menjadi kekal.

2. Butir-butir pegawai yang akan dihadapkan ke Lembaga Perubatan yang dipohon penubuhannya ini adalah seperti berikut:

(a) Nama:

(b) Nombor Kad Pengenalan:

(c) Perkhidmatan:

(d) Gred dan Tanggagaji:

3. Bersama-sama ini dikemukakan sesalinan dokumen-dokumen yang berikut untuk pertimbangan Lembaga Perubatan

- (a) Laporan dari Pegawai Perubatan yang telah merawat pegawai berkenaan;
- (b) Senarai tugas pegawai yang berkenaan; dan
- (c) Maklumat tambahan untuk pertimbangan Lembaga Perubatan (jika ada).

3. Bersama-sama ini dikemukakan sesalinan dokumen-dokumen yang berikut untuk pertimbangan Lembaga Perubatan

- (a) Laporan dari Pegawai Perubatan yang telah merawat pegawai berkenaan;
- (b) Senarai tugas pegawai yang berkenaan; dan
- (c) Maklumat tambahan untuk pertimbangan Lembaga Perubatan (jika ada).

4. Lembaga Perubatan yang ditubuhkan hendaklah dianggotai oleh tidak kurang daripada dua orang Pegawai Perubatan yang mana salah seorang daripadanya hendaklah merupakan pakar perubatan dalam jenis penyakit atau kecederaan yang dialami oleh pegawai yang akan diperiksa. Lembaga Perubatan ini tidak boleh dianggotai oleh mana-mana Pegawai Perubatan yang pernah merawati pegawai yang berkenaan.

5. Kerjasama tuan dipohon supaya laporan Lembaga Perubatan dikemukakan kepada Kementerian/Jabatan ini dalam borang Lampiran "B" kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1995 dalam tempoh dua bulan dari tarikh persidangan Lembaga Perubatan, sepertimana ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan yang sama.

Sekian, atas kerjasama tuan dalam hal ini diucapkan terima kasih.

Tandatangan Pegawai:

Nama Pegawai:

Jawatan Pegawai:

Kementerian/ Jabatan:

**LAPORAN LEMBAGA PERUBATAN MENGENAI
PERSARAAN ATAS SEBAB KESIHATAN
DI BAWAH SEKSYEN 10 (5) (a),
AKTA PENCEN 1980 (AKTA 227)**

Nama Pegawai Yang Diperiksa:

Nombor Kad Pengenalan:.....

Perkhidmatan:.....

Gred dan Tanggagaji:

Tarikh Lahir:.....

1. Lembaga Perubatan telah menjalankan pemeriksaan ke atas pegawai tersebut dan berikut adalah laporan Lembaga Perubatan atas beliau:

(a) Lembaga Perubatan telah ditubuhkan oleh* pada.....**. Salinan surat penubuhan Lembaga Perubatan dilampirkan. Anggota-anggota Lembaga Perubatan adalah seperti berikut:

(i) Nama Pegawai Perubatan:
Jawatan:.....
Kepakaran dalam bidang perubatan:.....

(ii) Nama Pegawai Perubatan:
Jawatan:.....

(iii) Nama Pegawai Perubatan:
Jawatan:.....

(b) Lembaga Perubatan telah memeriksa pegawai ini pada
.....
..... ** di +

2. Lembaga Perubatan mengesahkan bahawa pegawai ini adalah---

[] dalam kesihatan baik, atau sedang pulih dari@,
dan akan berupaya menjalankan kewajipan-kewajipan jawatannya
berdasarkan senarai tugas beliau.

[atau]

[] mengidap.....@ dan kelemahan akal/tubuh
beliau akan menjadi kekal serta menyebabkan beliau tidak berupaya
menjalankan kewajipan-kewajipan jawatannya berdasarkan senarai
tugas beliau.

Tandatangan anggota-anggota Lembaga Perubatan:

(1)

Nama Penuh:

Cop Rasmi:

(2)

Nama Penuh:

Cop Rasmi:

(3)

Nama Penuh:

Cop Rasmi:

Tarikh:

-
- * Isikan "Pengarah Kesihatan Negeri", "Pengarah Hospital Kuala Lumpur" atau "Pengarah Hospital Universiti"
 - ** Isikan tarikh
 - + Isikan tempat
 - @ Nyatakan jenis penyakit atau kecederaan
-

LAMPIRAN "C"

P.P. 10/1995

Rujukan Kami:

Tarikh:

[Kepada Pegawai yang
telah dihadapkan ke
Lembaga Perubatan]

Tuan/Puan*,

**Notis Cadangan Persaraan Atas Sebab Kesihatan
Di Bawah Seksyen 10 (5) (a), Akta Pencen 1980 (Akta 227)**

Saya di arah merujuk kepada perkara yang tersebut di atas dan memaklumkan bahawa Kementerian/ Jabatan* ini telah menerima laporan Lembaga Perubatan yang telah memeriksa tuan/ puan* pada+

2. Lembaga Perubatan tersebut telah mengesahkan bahawa tuan/ puan* adalah mengidap @ dan kelemahan ini akan menjadi kekal. Pendapat Lembaga Perubatan tersebut ialah bahawa kelemahan ini akan menyebabkan tuan/ puan* tidak berupaya menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan tuan/ puan* sepertimana ditetapkan di dalam senarai tugas tuan/ puan* yang di lampirkan bersama-sama surat ini.

3. Dengan itu Kementerian/ Jabatan* ini akan memperakukan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam/ Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri* supaya tuan/ puan* dibersarakan atas sebab kesihatan di bawah seksyen 10 (5) (a), Akta Pencen 1980 (Akta 227). Sekiranya tuan/ puan* adalah di dalam skim pencen, tuan/ puan* layak menerima faedah persaraan yang diperuntukkan di bawah Akta tersebut.

4. Mulai tarikh berikutan keluarnya laporan Lembaga Perubatan hingga tarikh sehari sebelum tarikh persaraan yang akan diputuskan, tuan/ puan* akan diberi Cuti Perubatan Khas dengan dibayar gaji pokok dan imbuhan tetap berdasarkan jawatan hakiki sekiranya tuan/ puan* tidak mempunyai cuti rehat atau sebaik sahaja tuan/ puan* menghabiskan cuti rehat, yang mana terkemudian.

5. Sila isi dan tandatangi borang Lampiran "C-1" kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1995 yang dikembarkan bersama-sama surat ini dan kembalikannya ke Kementerian/ Jabatan* ini dalam tempoh 14 hari dari tarikh tuan/ puan* menerima surat ini. Sekiranya tuan/ puan* tidak bersetuju untuk dibersarakan sedemikian, sila nyatakan dalam borang yang sama sebab-sebab kenapa tuan/ puan* tidak seharusnya dibersarakan, untuk pertimbangan pihak berkuasa yang akan memutuskan perihal persaraan tuan/ puan* atas sebab kesihatan. Sekiranya jawapan melalui borang Lampiran "C-1" tersebut tidak diterima oleh *Kementerian/ Jabatan ini dalam tempoh yang ditetapkan tindakan seterusnya akan diambil untuk memperakukan supaya tuan/ puan* dibersarakan atas sebab kesihatan.

6. Tuan/ puan* akan dimaklumkan mengenai keputusan persaraan serta tarikh kuatkuasa persaraan tersebut sebaik sahaja ianya diterima oleh Kementerian/ Jabatan* ini.

Sekian, untuk makluman dan tindakan tuan/ puan* selanjutnya.

Terima kasih.

Tandatangan:

Nama Pegawai:

Jawatan Pegawai:

*Kementerian/ Jabatan:

-
- * Gunakan mana yang berkenaan
 - + Isikan tarikh
 - @ Isikan jenis penyakit atau kecederaan
-

[Kepada Ketua Jabatan]

Tuan,

Cadangan Persaraan Atas Sebab Kesihatan

Di bawah Seksyen 10 (5) (a), Akta Pencen 1980 (Akta 227)

Saya merujuk kepada surat tuan bilangan bertarikh dan kandungannya difahami. Dengan ini dimaklumkan bahawa saya;-

[] bersetuju untuk dibersarakan atas sebab kesihatan di bawah seksyen 10 (5) (a), **Akta Pencen 1980** (Akta 227).

atau

[] tidak bersetuju untuk dibersarakan atas sebab kesihatan di bawah seksyen 10 (5) (a), **Akta Pencen 1980** (Akta 227), kerana **(nyatakan penjelasan selengkap-lengkapnya, dengan dilampirkan dokumen-dokumen sokongan sekiranya ada):**

Tandatangan:

Nama Pegawai:

Nombor Kad Pengenalan

Tarikh

(Tanda [/] mana yang berkenaan)

[Ketua Pengarah
Perkhidmatan Awam/
Setiausaha Kerajaan Negeri]*

Tuan,

Perakuan Persaraan Atas Sebab Kesihatan

Di bawah Seksyen 10 (5) (a), Akta Pencen 1980 (Akta 227)

Saya diarah merujuk kepada perkara yang tersebut di atas dan seterusnya mengemukakan untuk pertimbangan tuan perakuan oleh Kementerian/Jabatan* ini supaya pegawai yang berikut dibersarakan atas sebab kesihatan di bawah seksyen 10 (5) (a), **Akta Pencen 1980** (Akta 227):

- (a) Nama Pegawai
- (b) Nombor Kad Pengenalan:
- (c) Perkhidmatan:.....

2. Bersama-sama ini dikemukakan dokumen-dokumen yang berikut untuk rujukan dan pertimbangan tuan:

- (a) Laporan Lembaga Perubatan (naskah asal) yang telah memeriksa pegawai yang berkenaan;
- (b) Senarai tugas pegawai yang berkenaan;
- (c) Kenyataan Perkhidmatan dan Cuti pegawai yang berkenaan yang lengkap dan kemaskini; dan
- (d) Borang Lampiran "C-1" kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1995 yang telah diterima daripada pegawai yang berkenaan.+

3. Adalah disahkan bahawa pegawai yang berkenaan akan/ telah* diberi Cuti Perubatan Khas mulai@

Sekian, atas pertimbangan tuan dalam hal ini diucapkan terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Saya yang menurut perintah,

Tandatangan Pegawai:

Nama Pegawai:

Jawatan Pegawai

Kementerian/Jabatan

* Gunakan mana yang berkenaan
+ Nyatakan sekiranya Lampiran C-1 tidak diterima daripada pegawai yang berkenaan dalam masa yang ditetapkan
@ Catatkan tarikh yang berkenaan


SENARAI DOKUMEN-DOKUMEN PENCEN

1. PEN. 1 : Permohonan Faedah-faedah Persaraan
2. Kenyataan Perkhidmatan dan Cuti yang lengkap dan kemaskini
3. PEN. 10 : Sijil Akuan Berhutang/Tidak Berhutang
4. Penyata Hutang-piutang (misalnya, baki pinjaman perumahan dan cukai pendapatan) sehubungan dengan borang PEN. 10
5. PEN. 13 : Gambar Berukuran Paspot Penerima Pencen Dan Contoh Tandatangan Serta Cap Jari Penerima Pencen
6. PEN. 14 : Bayaran Pencen
7. PEN. 15 : Opsyen Di bawah Peraturan 10, Peraturan-peraturan Pencen 1980
8. PEN. 16 : Notis Pelepasan Caruman Kerajaan Di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Untuk Tujuan Pengiraan Pencen/Pengakuan Ahli
9. JPA/PEN/SPB-1 : Borang Penyertaan Sistem Pembayaran Pencen Melalui Bank
10. Salinan Kad Pengenalan penerima pencen
11. Salinan Sijil Nikah/ Sijil Cerai penerima pencen
12. Salinan Sijil Beranak anak penerima pencen yang belum kahwin; iaitu:
 - (a) anak-anak berumur di bawah 21 tahun;
 - (b) anak-anak yang cacat otak atau hilangupaya jasmani secara kekal dan tidak berupaya menanggung dirinya sendiri (tidak kira umurnya); dan
 - (c) anak-anak yang sedang mendapat didikan di suatu institusi pelajaran tinggi, tidak kira umurnya tetapi tidak melampaui pelajaran yang menuju ke arah ijazah pertama.

LAMPIRAN "F"

P.P. 10/1995

**CARTA ALIRAN KERJA
PROSEDUR PERSARAAN ATAS SEBAB KESIHATAN**



Ketua Jabatan menghantar kepada Pengarah Kesihatan Negeri, Pengarah Hospital Kuala Lumpur atau Pengarah Hospital Universiti permohonan untuk menubuhkan Lembaga Perubatan (Lampiran "A") untuk memeriksa pegawai yang didapati mungkin perlu dibersarakan atas sebab kesihatan.


Pengarah Kesihatan Negeri/Pengarah Hospital Kuala Lumpur/Pengarah Hospital Universiti menerima permohonan (Lampiran "A") dan menubuhkan Lembaga Perubatan.

Lembaga Perubatan bersidang secepat mungkin.

Lembaga Perubatan mengemukakan laporannya dalam Lampiran "B" kepada Ketua Jabatan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh persidangan.

Ketua Jabatan menerima laporan Lembaga Perubatan (Lampiran "B").


LEMBAGA PERUBATAN
BERPENDAPAT
PEGAWAI BERKENAAN
TIDAK BERUPAYA
MENJALANKAN
KEWAJIPAN
JAWATANNYA?



Ketua Jabatan menyampaikan keputusan untuk tidak meneruskan cadangan membersarakan pegawai yang berkekaan atas sebab kesihatan

1. Dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan laporan Lembaga Perubatan (Lampiran "B"), Ketua Jabatan menghantar surat notis cadangan persaraan (Lampiran "C" dan "C-1") kepada pegawai yang berkekaan melalui Pos Berdaftar Akuan Terima atau diserahkan dengan tangan serta diakui penerimaannya.

2. Pegawai yang berkekaan memulakan Cuti Perubatan Khas pada tarikh berikutan keluarnya laporan Lembaga Perubatan sekiranya beliau tidak mempunyai cuti rehat, atau sebaik sahaja beliau menghabiskan cuti rehatnya, yang mana terkemudian, hingga sehari sebelum tarikh persaraan yang ditetapkan.



Pegawai yang berkenaan mengisi dan mengembalikan borang (Lampiran "C-1") dalam tempoh 14 hari dari tarikh beliau menerima notis (Lampiran "C")


Sebaik sahaja Lampiran "C-1" diterima dari pegawai yang berkenaan atau selepas luputnya 14 hari dari tarikh penerimaan notis Lampiran "C" oleh pegawai itu, Ketua Jabatan menghantar perakuan persaraan (Lampiran "D") kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

JPA atau Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri menerima Perakuan persaraan (Lampiran "D") dan menyemak serta memperakukan kes dengan serta-merta untuk penentuan kepuasan hati Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau Setiausaha Kerajaan Negeri.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau Setiausaha Kerajaan Negeri menentukan sama ada ianya berpuas hati bahawa pegawai yang berkenaan tidak berupaya menjalankan kewajipan-kewajipan jawatannya.

Keputusan mengekalkan pegawai yang berkenaan dalam jawatannya disampaikan oleh JPA atau Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri kepada Ketua Jabatan.

Ketua Jabatan memaklumkan keputusan ini kepada pegawai yang berkenaan dan mengarah beliau berkhidmat semula dengan serta-merta.



Kes dirujuk untuk kelulusan persaraan atas sebab kesihatan serta penetapan tarikh kuatkuasa persaraan tersebut.

JPA atau Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri menyampaikan keputusan persaraan kepada Ketua Jabatan.

Ketua Jabatan menyampaikan keputusan persaraan kepada pegawai yang berkenaan.

Bagi pegawai-pegawai di bawah skim pencen Ketua Jabatan hendaklah menghantar dengan secepat mungkin dokumen-dokumen lengkap seperti disenaraikan di Lampiran "E" kepada Bahagian Pencen, JPA, untuk memproses, melulus dan membayar faedah persaraan.